



Ibu 6 tahun temani anak kurang upaya terima pengiktirafan UMP

Kegigihan seorang ibu yang tidak pernah jemu dalam menemani anak kelainan upaya selama enam tahun untuk mengggangam segulung ijazah mendapat pengiktirafan Universiti Malaysia Pahang (UMP) apabila dinobatkan Anugerah Khas MATAHARI.

Tuanju Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bercemar duli mengurniakan anugerah ini kepada ibu gigih, Zaidah Tamjis dalam majlis makan malam sempena Majlis Konvokesyen Ke-8 UMP pada 4 Oktober 2013 yang lalu.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato Dr Daing Nasir Ibrahim, kegigihan Zaidah mencetuskan inspirasi buat Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) memperkenalkan Anugerah Khas MATAHARI dalam menghargai pengorbanan ibu yang membesarkan dan mendidik anak yang tidak mampu bergerak melainkan dengan bantuan sepenuh ibunya.

"Beliau merupakan tulang belakang terhadap kejayaan anaknya Siti Hawa Apanidi, 24 yang mengidap penyakit Spinal Muscular Atrophy (SMA) namun berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan cemerlang.

"Justeru, amat wajar Persatuan MATAHARI UMP yang terdiri daripada staf wanita dan isteri staf UMP ini memberikan penghargaan bagi mengenangkan jasa dan semangat yang kuat seorang ibu yang mendorong anaknya untuk menyambung pelajaran ke peringkat tertinggi walau dalam keadaan serba kekurangan.

"Zaidah merupakan insan yang luar biasa dan tanpa jemu berada di samping anaknya

sama ada di asrama mahupun di dewan kuliah yang bermula semenjak pengajian peringkat diploma sehingga ke peringkat ijazah serta menjadi pelajar cemerlang UMP dengan pencapaian nilai gred purata 3.88.

"Malahan, anaknya turut dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Hei-Tech untuk konvokesyen pada kali ini," katanya semasa menyampaikan ucapan di Hotel Zenith Kuantan.

Bersempena majlis ini, Zaidah menerima cenderahati, sijil penghargaan dan wang tunai berjumlah dua ribu ringgit sumbangan Matahari.

Apa yang mengejutkan, Canselor UMP Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Pahang telah memberi sumbangan peribadi sebanyak lima ribu ringgit pada malam itu.

Majlis juga turut meraikan penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Kimia, Profesor Emeritus Dato' Dr. Abu Azam Md. Yassin, yang merupakan Rektor pertama Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) yang kini dikenali sebagai UMP.

Beliau telah menyediakan asas dan landasan yang kukuh terhadap universiti ini bagi bergerak maju ke hadapan dalam memacu pengajian tinggi negara.

Hadir sama dalam majlis Pengerusi Lembaga Pengarah UMP (LPU), Dato' Mohd. Hilmey Mohd. Taib, Ahli LPU, Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, Haji Ahmad Zaki Haji Ahmad Shariff, Dato' Ahmad Azmey Haji Abu Talib dan Presiden Persatuan Matahari, Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim.

